

Pensiangan simpan budaya kehidupan M

Kedudukan kampung jauh di kawasan pedalaman sukarkan pergerakan, sungai jadi jalan perhub

DERUAN deras arus Sungai Tagol tidak pernah ramah ketika menyambut kehadiran sesiapa jua pun yang menghulu sungai itu dari Kampung Salong ke Kalimantan, Indonesia. Kebas kaki dan tubuh ketika menaiki kenderaan pacuan empat roda dari Keningau ke Kampung Salong sejauh kira-kira 130 kilometer (km) melalui jalan tidak berturap sejauh kira-kira 15 km dari Sapulut ke Kampung Salong terasa masih belum hilang ketika kami melangkah masuk ke dalam perahu.

Perjalanan dari Keningau ke pekan kecil Nabawan kami teruskan ke Kampung Sapulut. Dari situ, kami mendaki dan menuruni bukit di laluan tidak berturap ke Kampung Salong yang berfungsi sebagai pangkalan utama perahu ke puluhan kampung di daerah kecil Pensiangan dan Pagalungan.

Keseluruhan Parlimen Pensiangan dibahagikan kepada kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Nabawan dan Sook. Mukim Pensiangan dan Pagalungan antara kawasan terpencil dalam DUN Nabawan yang bersempadan Kalimantan.

Enjin motor sangkut 15 kuasa kuda sudah dihidupkan Jureh Using, 22. Sebaik kami menginjakkan kaki ke dalam perahu sepanjang kira-kira empat meter itu, Ghani Angkusoi, 23, mula menolak perahu. Kedua-dua anak jati Murut Tagol di Kampung Salinatan itu cukup bersedia memulakan perjalanan ke kampung mereka. Ketiadaan jalan berturap memaksa kami berperahu menghulu Sungai Tagol.



SUNGAI sentiasa menjadi nadi perhubungan penting bagi masyarakat Murut Tagol sejak zaman berzaman kerana tiada kemudahan jalan darat yang sempurna di kawasan mereka.

Sementara Jureh mengandalkan enjin mengelak daripada terlanggar kayu dan batu besar yang berjajaran di sepanjang Sungai Tagol, Ghani pula sibuk menujah kayu di haluan perahu setiap kali perahu melintasi kawasan jeram atau dalam bahasa Murut Tagol disebut sebagai 'karangan'.

Jika tersilap, Jureh memperlahankan dan melajukan gerakan perahu, sudah pasti batu besar di tengah jeram menunggu kami. Perisikan air yang dilanggar perahu bagaikan membuktikan Sungai Tagol selebar kira-kira 100 meter itu tidak mahu beramah mesra dengan kami.

Untuk tiba di Kampung Salinatan, kami terpaksa melepasi pekan kecil Pagalungan sebelum singgah sebentar di Kampung Pensiangan selepas perjalanan memakan masa dua jam. Perjalanan dari Kampung Pensiangan selepas menikmati mi segera di sebuah kedai runcit untuk ke Kampung Salinatan diwarnai dengan laluan di celah 'karangan' yang lebih besar dan menggerunkan di Sungai Seliu yang bercantum dengan Sungai Tagol.

Setiap kali melalui kawasan cetek, Jureh terpaksa menarik naik hujung enjin motor sangkut, manakala Ghani menujah kayu ke dasar sungai bagi mengelak terlanggar batu. Selepas tiga jam, kami akhirnya menginjakkan kaki di Kampung Salinatan.


Keseluruhan kawasan terpencil di tebing sungai dari Salong ke Kalimantan dihuni masyarakat etnik Murut Tagol. Begitu juga dengan pekan kecil Nabawan. Berasaskan sifat Sungai Tagol yang paling dominan berbanding sungai lain, maka istilah itu sudah sebatu dengan etnik Murut di Pensiangan, sekali gus membezakan mereka daripada Murut Paluan, Murut Baukan dan Murut Timogon yang kebanyakan menghuni daerah Tenom dan Sipitang.

Yang pasti, masyarakat Murut Tagol semanganya berasal dari Mansalong, iaitu wilayah di Kalimantan bersempadan Pensiangan. Meskipun tidak diketahui secara tepat penghijrahan mereka dari Kalimantan ke Pen-

siangan Labang, Sumintobol, Bintoh, Sukamaju, Bol, Tukulon, Uyaron, Batal, Beringin, Bulan-Bulan dan Rintin sebelum tiba di Mansalong yang diibaratkan sama besar dengan Keningau, iaitu bandar terbesar bagi kawasan pedalaman bawah di Sabah.

Anggota masyarakat di sini hakikatnya masih mempunyai anggota keluarga dan saudara mara di Mansalong. Faktor sempadan Sabah dengan Kalimantan bukan pemisah ikatan persaudaraan kerana dengan berperahu di Sungai Pensiangan, mereka masih mampu saling menziarahi saudara mara mereka.

Antara kampung terakhir di hujung sempadan mukim Pagalungan dengan Kalimantan ialah Kampung Bantul, Saliliran dan Salarom. Jika melepasi kampung berkenaan, mereka sudah boleh tiba di beberapa kampung dalam wilayah Kalimantan yang antaranya ialah



KAWASAN perumahan Murut Tagol kebanyakannya berada di tebing sungai, ia memudahkan mereka menghilir dan menghulur sungai untuk berhubung.

Sungai Labang, Sumintobol, Bintoh, Sukamaju, Bol, Tukulon, Uyaron, Batal, Beringin, Bulan-Bulan dan Rintin sebelum tiba di Mansalong yang diibaratkan sama besar dengan Keningau, iaitu bandar terbesar bagi kawasan pedalaman bawah di Sabah.


Keseluruhan kampung di kawasan terpencil dari Kampung Salong ke sempadan Kalimantan dibina berasaskan sifatnya di tebing sungai bagi memudahkan penduduk menghulu atau menghilir sungai ketika menjalani kegiatan harian. Perahu pengangkutan utama sama ada untuk ke Kampung Salong sebelum ke pekan Nabawan atau bandar Keningau.

Pernah pada ketika tertentu mereka menikmati kemudahan jalan tidak berturap yang dibina syarikat pembalakan tetapi kebanyakan jalan berkenaan sudah tidak boleh di-

gunakan lagi apabila syarikat itu tidak lagi beroperasi menebang dan membawa keluar balak dari hutan di sekitar kampung mereka.

Bagaimanapun, berbeza dengan struktur kampung di kawasan bandar atau pinggir bandar, kebanyakan kampung di persisiran sungai di sini tidak banyak jumlah rumah. Contohnya, di Kampung Bola Lama cuma ada sebuah rumah manakala di Kampung Bola Baru, hanya ada lima rumah.

Bagi kampung yang agak besar, ada kalanya penduduk mencecah hingga 500 orang. Contohnya, di Kampung Salinatan yang terdapat kira-kira 400 lebih penduduknya meneruskan kehidupan dengan disediakan kemudahan asas sebuah sekolah kebangsaan (SK), selain bekalan tenaga elektrik yang menggunakan generator dan menjana tenaga mulai jam 6



SEBAGIAN golongan ibu di Kampung Pagalungan dengan membawa anak ke Klinik Desa Pagalungan.

Murut Tagol


unggan utama B/H 14/3/2011 12/27.



Ampat Tahol

FAKTA PENSIANGAN

- Terbahagi kepada Mukim Nabawan, Pensiangan dan Pagalungan
- Kira-kira 170 kilometer dari Keningau
- Laluan tidak berturap 15 km dari Kampung Sapulot ke Kampung Salong
- Berperahu dua hingga tiga jam dari Kampung Salong ke Kampung Pagalungan
- Berperahu dua hingga empat jam dari Kampung Salong ke Kampung Pensiangan
- Berperahu tiga hingga lima jam dari Kampung Salong ke Kampung Salinatan
- Berperahu enam hingga tujuh jam dari Kampung Salong ke Kampung Sinapar
- Tiga sungai utama - Tagol, Pensiangan dan Seliu
- Masyarakatnya bertani untuk sara diri
- Murut Tagol berasal dari Kalimantan



USOR Sintou setia menunggu penumpang untuk dibawa ke Mansalong, Kalimantan di Kampung Salong.

Pengemudi perahu sabung nyawa tanggung keluarga

petang hingga 10 malam.

Namun, bagi mendapatkan sumber bekalan air, keseluruhan masyarakat etnik Murut Tagol masih bergantung kepada bekalan air graviti, iaitu air dari bukit yang ditahan dengan empangan kecil sebelum disalurkan ke rumah menggunakan paip.

Dengan sifat keseluruhan kampung dalam mukim Pensiangan dan Pagalungan yang dikelilingi hutan tebal dan dihubungkan hanya melalui beberapa sungai utama, keselamatan mereka pada sekitar 1960-an sememangnya tidak begitu terjamin, terutama apabila Angkatan Bersenjata Republik Indonesia (ABRI) yang kini dikenali sebagai Tentera Nasional Indonesia atau (TNI) melancarkan kempen Ganyang Malaysia selepas Sabah dan Sarawak menyertai pembentukan Malaysia pada 16 September 1963.

Tindakan pencerobohan ABRI di beberapa kampung seperti Kampung Bantul dan Saliliran memaksa kerajaan USNO melaksanakan skim pemindahan penduduk di mukim Pagalungan dan Pensiangan ke pekan Nabawan, kira-kira 160 km dari kampung halaman mereka.

"Seramai 203 orang terbabit dalam pemindahan itu. Kerajaan USNO pada waktu itu menyediakan kawasan seluas 5,600 ekar (kira-kira 2,240 hektar) untuk menempatkan mereka

di Kampung Satu, Dua, Malinja, Ria dan Murni.

"Kerajaan USNO menyediakan rumah untuk mereka. Bagaimanapun, skim itu tidak berjaya sepenuhnya kerana kerajaan menghadapi masalah kekurangan tanah untuk membolehkan mereka memajukan sektor pertanian.

"Oleh sebab mereka hanya mahir bercucuk tanam, kerajaan menyediakan tanah untuk mereka sebagai sumber ekonomi mereka tetapi ia tidak begitu berjaya.

"Ia menyebabkan kebanyakan penduduk terpaksa kembali ke kampung asal selepas konfrontasi Indonesia-Malaysia berakhir," kata Ketua Anak Negeri (KAN) Mukim Pensiangan, Ampat Tahol.

Tiga kampung paling hampir dengan sempadan Kalimantan iaitu Kampung Salarom, Kabu dan Saliliran adalah kampung paling sukar dikunjungi. Bagi penduduk Kampung Kabu yang mahu ke pekan Nabawan atau bandar Keningau, mereka terpaksa berperahu selama tiga hari dua malam.

Selepas melalui Kampung Lumbis dalam wilayah Kalimantan, mereka terpaksa bermalam di Kampung Bantul, iaitu kampung dalam mukim Pagalungan yang bersempadan Kalimantan. Rumah saudara mara menjadi tempat persinggahan untuk bermalam sebelum mereka meneruskan perjalanan ke Kampung Salong yang memerlukan tempoh antara enam hingga tujuh jam.

Masyarakat Murut Tagol di Kampung Salarom juga terpaksa berperahu selama tiga hari dua malam untuk tiba di Kampung Salong. Kesukaran perhubungan menyebabkan keseluruhan 300 penduduk kampung itu terpaksa berhijrah beramai-ramai ke Kampung Salarom Taka, kira-kira 70 km dari Nabawan yang dibuka dengan hasil titis keringat mereka sendiri pada 2006.

Di Kampung Saliliran pula, anggota masyarakatnya terpaksa berjalan kaki antara lima hingga enam jam dari kampung itu ke Kampung Sinapar. Sungai kecil yang tidak mampu dilalui perahu menyebabkan mereka terpaksa berjalan kaki ke Kampung Sinapar sebelum meneruskan perjalanan ke Kampung Salong dengan berperahu antara lima hingga enam jam lagi.

Semua ini lumrah kehidupan masyarakat Murut Tagol di kawasan jauh di pedalaman Sabah. Perit jerih menghuni kawasan yang sukar dihubungkan dengan jalan raya adalah asam garam kehidupan yang terpaksa dilalui oleh mereka demi kelangsungan hidup pada bilah-bilah hari yang mendatang.

BATU sempadan antara Malaysia-Indonesia di Kampung Bantul sememangnya tidak boleh dilihat dengan kaedah berperahu di Sungai Pensiangan. Ini kerana lokasinya di celah semak di tebing sungai tidak membolehkannya dilihat dari sungai. Batu kecil itu hanya mampu dilihat apabila kita memanjat tebing sungai dan terpaksa meredah semak.

Sungai Pensiangan yang hulunya di Kalimantan adalah penghubung utama masyarakat Murut Tagol di wilayah Malaysia dan Indonesia. Sudah berzaman sungai selebar kira-kira 100 meter itu digunakan sebagai laluan utama penduduk kedua-dua wilayah untuk menjalankan perniagaan tukar barang atau menziarahi sanak-saudara masing-masing.

Bagi pengemudi perahu dari bandar Mansalong, Kalimantan, Usor Sintou, 52, sempadan kedua-dua wilayah yang disatukan oleh Sungai Pensiangan tanpa diletakkan sebarang garis pemisah yang nyata di tengah sungai, bukanlah penghalang untuk dia berulang-alik dari Mansalong ke Kampung Salong sejak berpuluh tahun dulu.

"Dari Kampung Salong ke Kampung Pagalungan, sungainya tidak banyak 'karangan' (jeram). Selepas Kampung Pagalungan ke Kampung Bantul, memang bahaya. Ada banyak karangan. Arus deras. Kalau tidak pandai memegang kemudi, perahu bisa (boleh) karam.

"Bukan enggak (tidak) pernah orang karam di tengah sungai. Ada yang terkorban. Mayatnya hanyut sampai Kalimantan. Kalau nak cari mayatnya, enggak mudah. Kadang-kadang ada orang Murut Tagol di Indonesia

“ Mereka akan sampai juga di sini. Kalau mereka sampai petang, esok saja kami bertolak. Malam ini kami terpaksa tidur lagi dalam perahu. Mereka tidur dalam bangsal enjin ”

Usor Sintou
Pengemudi perahu

jumpa mayat itu. Dia bawa ke sini, minta duit daripada keluarga si mati," katanya.

Ketika ditemui di Kampung Salong, Usor dan tiga anak lelakinya berusia antara 14 hingga 18 tahun sudah dua hari berada di kampung itu. Selepas menghirir Sungai Pensiangan selama 12 jam dan bertarung dengan jeram yang tidak pernah lupa meragut nyawa, mereka berjaya menjejakkan kaki di Kampung Salong.

Dua enjin motor sangkut, masing-masing berkeupayaan 20 kuasa kuda yang memacu perahu yang mampu memuatkan 20 penumpang digunakannya untuk tiba di Kampung Salong.


"Kami mendapat pesanan daripada kawan ada orang dari Keningau nak balik ke Mansalong. Jadi, kami datang ke sini menunggu mereka. Satu jiwa (orang) tambang RM100. Kalau menghirir sungai, boleh sampai sini 12 jam tetapi kalau kami jalan balik Mansalong terpaksa menghulu sungai. Kami terpaksa bermalam di mana-mana kampung sebelum meneruskan perjalanan keesokannya untuk sampai di Mansalong," ujarnya.

Bahasa Murut Tagol di Pensiangan yang tiada bezanya dengan bahasa Murut Tagol di Kalimantan memudahkan Usor dan anak berkomunikasi dengan penumpang perahunya. Cuma apabila mereka berbahasa Melayu, sebutan perkataan Usor sememangnya tidak boleh lari daripada sebutan bahasa Melayu Indonesia.

Namun, meskipun terpaksa hanya mandi sungai dan tidur dalam perahu dengan berselimutkan kanvas, Usor dan anaknya tetap yakin penumpang yang dimaksudkan oleh rakannya itu akan hadir di Kampung Salong.

"Mereka akan sampai juga di sini. Kalau mereka sampai petang, esok saja kami bertolak. Malam ini kami terpaksa tidur lagi dalam perahu. Mereka tidur dalam bangsal enjin," katanya sambil menunjukkan bangsal di tepi Sungai Pensiangan yang dikhususkan untuk menyimpan enjin motor sangkut anggota masyarakat Murut Tagol.

Kusut masai wajah Usor dan tiga anaknya jelas mempamerkan kesukaran yang terpaksa dilalui mereka untuk berperahu dari Mansalong ke Kampung Salong. Namun, mereka tidak pernah menyesali kehidupan sebegitu kerana lahir di Mansalong dan mencari rezeki dengan membawa penumpang dari Pensiangan ke Mansalong sudah sebatik dalam jiwa sanubari mereka.



... tetap menitikberatkan kesihatan anak mereka
n.